

Kasih Umat Islam kepada Agamanya

(Oleh: Ustaz Muhammad Ali al-Ḥamīdī)


Hidup yang sempurna menurut pandangan agama, ialah memperjuangkan i'tiqād kepercayaan, sehingga mempengaruhi orang seorang dan masyarakat, sempurna diamalkan segala isinya.

Untuk memperjuangkan i'tiqād kepercayaan itu, orang tidak sayang mengorbankan segala apa yang ada padanya, sekalipun nyawa di badan. Yang demikian ini menunjukkan, bahawa manusia cintakan kepada i'tiqād kepercayaannya.

Junjungan kita Nabi Muḥammad (S.A.W) telah memberi contoh kepada umatnya, tentang kasih Baginda kepada i'tiqād kepercayaannya lebih daripada kasihnya kepada harta benda, kesenangan dan kemewahan hidup yang ada di dunia ini.

Dengan bermacam-macam tekanan telah dicuba oleh kaum Jāhiliyyah untuk menghalangi tersiarnya agama Islam, iaitu i'tiqād kepercayaannya. Semuanya menemui kegagalan, setelah dengan kekerasan tidak berhasil, lalu dicuba mereka dengan pujukan dan tipuan.

Mereka mengutus seorang wakil, bernama 'Utbah bin Rabī'ah, seorang dari kaum Jāhiliyyah yang terkenal sebagai ahli bahasa dan pandai berbahas. Dimajukannya kepada Nabi beberapa perkara yang dirasanya dapat menghentikan siaran akidah kepercayaan Nabi kepada orang ramai. Di antaranya ditawarkan kepada Nabi harta benda sebanyak-banyaknya, pangkat setinggi-tingginya, kerajaan sebesar-besarnya.



Semua tawarannya dijawab oleh Nabi dengan membacakan beberapa ayat al-Qur'an, di antaranya:

Qul innamā anā basharun mithlukum yūḥā ilayya annamā ilāhukum ilahun wāḥidun fāstaqīmū ilayhi wastaghfirūh wa wayl lilmushrikīn. al-ladhīna lā yu'rūna al-zakāt wahum bi al-akhirati hum kāfirūn. Inna al-ladhīna āmanū wa 'amilū al-ṣāliḥāti lahum ajrun ghayru mamnūn. (6-8 Sūrat Hamim al-Sajadat')

Ertinya: “Katakanlah, sesungguhnya aku (Muḥammad) tidak lain melainkan manusia juga seperti kamu, diwahyukan kepada aku, bahawasanya Tuhan kamu yang sebenarnya itu ialah Allah Tuhan Yang Esa. Oleh sebab itu, berlaku luruslah kepadanya dan meminta ampun kepadanya, dan nerakalah bagi orang-orang yang menyekutukannya.

¹ Surah Fussilat



Murid-murid Madrasah Ḥassaniyyah Lemal, Pasir Mas,

Kelantan, bergambar untuk kenangan. Dari kanan: Rosli Hasan, Ghazali Mohamad, Ramli Yusuf, Asiah Mohamad dan Bahari Yusuf.

iaitu mereka yang tidak mengeluarkan zakat, dan terhadap hari akhirat adalah mereka kafir. Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh itu akan mendapat pahala yang tidak putus-putusnya.”

Mendengar bacaan ayat-ayat al-Qur’an itu, terharulah hati ‘Utbah bin Rabī’ah, dan terasa betul dalam kalbunya, bahawa Nabi Muḥammad itu adalah seorang manusia suci tidak tamak kepada harta, tidak gila pangkat, tidak menuntut kerajaan, dan tidak juga gila sebagaimana disangkakan. Termakan benar ke dalam jantung hatinya ayat-ayat al-Qur’an yang dibacakan kepadanya, diakuinya, bahawa apa yang dikatakan oleh Nabi Muḥammad (S.A.W) itu bukanlah perkataan manusia tetapi ialah wahyu Ilahī.

Dua macam sikap tegas yang telah diperlihatkan oleh Nabi Muḥammad (S.A.W), iaitu usaha tekad dalam mengembangkan aqidah kepercayaan tak dapat dihalangi dengan kekerasan, dan tidak terpengaruh dengan pujukan dan kesenangan. Sebab kesenangan dan kesusahan itu kepada Baginda sama sahaja diterimanya.

Seyogianya diketahui tanda cinta kita sebagai umat Islam kepada agama kita ini, ialah cinta kita kepada Allah dan Rasul-Nya melebihi cinta kita yang lainnya. Ertinya segala perkara yang datang dari keduanya itu kita junjung tinggi dan kita taati lebih dari segala yang lain-lain, bahkan kalau perlu kita bela dan pertahankan kesuciannya dengan segala pengorbanan yang dapat kita lakukan. Sabda Nabi Muḥammad (S.A.W)!

Lā yu’minu aḥadukum hatta yakūna Allah wa Rasūluhu aḥabba ilayhi mimma suwahu mā. (al-Bukhārī wa Muslim)

Ertinya: “Tidak beriman betul salah seorang kamu sehingga menjadi Allah dan Rasul-Nya lebih dicintainya daripada yang lainnya.”

Demikianlah tanda cinta kita sebagai mu’min kepada agama kita, iaitu taat dan membelanya lebih dari segala yang lainnya. Dan dengan inilah mudah-mudahan Allah jadikan kita umat yang terhormat dan mulia.



Untuk Wanita-wanita:

- 1. **Di Rumah Rasulullah** 0.50
- 2. **Hukum Bersuci** 0.40
- 3. **Hukum Haid dan Nifas** 0.50

